



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (39)  
Tarikh : 15 Disember 2020

## KENYATAAN MEDIA

### PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BANGUNAN BAGI RUMAH PEKERJA DALAM TAPAK BINA

Sepanjang tempoh penularan COVID-19, beberapa kes kluster tapak bina telah dikesan menunjukkan bahawa pekerja tapak bina terutamanya warga asing adalah golongan yang berisiko untuk dijangkiti COVID-19. Risiko penularan semakin serius disebabkan oleh kaedah penginapan secara beramai-ramai atau bersesak-sesak dalam satu-satu unit kediaman selain tahap kebersihan premis yang rendah.

Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446) dijangka akan dapat mencegah penularan wabak penyakit selaras dengan Syor 115 (Syor Perumahan Pekerja 1961) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Dalam menyokong penguatkuasaan Akta 446 (Pindaan) 2019 dan menambahbaik proses penyampaian perkhidmatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif membangunkan prosedur operasi standard (SOP) iaitu Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina.

Prosedur ini menterjemahkan dengan lebih jelas peruntukan undang-undang sedia ada yang terdapat dalam Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Akta 172), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133) dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984).

Perundangan membenarkan pendirian rumah pekerja binaan di atas tapak binaan yang telah diberikan kelulusan Kebenaran Merancang. Walau bagaimanapun, ianya hendaklah mendapat kelulusan Permit Sementara yang boleh dikeluarkan bagi suatu tempoh terhad oleh PBT.

Terdapat juga UUK 13 dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang mana PBT boleh memberi kebenaran khas untuk memulakan kerja-kerja bangunan lebih awal, dengan syarat permulaan tersebut tidak akan melanggar peruntukan Akta atau Undang-undang Kecil yang berkaitan.

Beberapa penambahbaikan dalam mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan proses permohonan permit sementara juga telah digariskan dalam prosedur ini. Di antaranya adalah:

- i. Penyediaan carta alir yang seragam dan penyelarasan senarai semak dokumen;
- ii. Permohonan Kebenaran Khas memulakan kerja bangunan secara serentak dengan permohonan Permit Sementara;
- iii. Penyediaan senarai semak pematuhan kehendak bomba sebelum pengemukaan permohonan kepada PBT;
- iv. Pengecualian rujukan kepada Jabatan Bomba & Penyelamat bagi mendapatkan ulasan; dan
- v. Pengurangan tempoh proses kelulusan Permit Sementara dari 33 hari kepada 10 hari.

Saya juga ingin mengingatkan supaya pemaju dan semua profesional yang berkaitan perlu lebih kompeten dalam mematuhi kehendak peruntukan undang-undang dan peraturan selaras dengan SOP yang disediakan ini, agar matlamat utama bagi mengekang penularan COVID-19 terutamanya di tapak bina dapat dicapai sepenuhnya.

**YB Zuraida Kamaruddin**  
**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
**15 Disember 2020**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Plan Malaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*